

sains

KERATAN AKHBAR

23 OKTOBER 2023

NEW
Straits Times

The people's paper
Star Kosmo!

Penyeler fikiran rakyat
Utusan MALAYSIA

suara cakna komuniti anda
Sinar harian

Harian
Metro

BERITA HARIAN

astro
AWANI

malaysiakini
terkini untuk anda

NOGORI KITO



facebook

THE EDGE
MARKETS
MAKE BETTER DECISIONS

THE
Sun

FMT
news
FREE AND INDEPENDENT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

中國報
CHINA PRESS

malaymail
since 1988

7 empangan berisiko undang masalah sumber air kepada LRA - SPAN

23 OKTOBER 2023
ISNIN



Charles Anthony Santiago ketika sidang media mengenai Pelaporan Situasi Empangan Bekalan Air di Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada Isnin. - Foto: Bernama

CYBERJAYA - Tujuh empangan bekalan air dikenal pasti berisiko tinggi mendarangkan masalah sumber air kepada Loji Rawatan Air (LRA) dan kawasan sekitarnya sekiranya berlaku sebarang kegagalan fungsi empangan terbabit termasuk kerana faktor cuaca.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago dalam sidang akhbar berkata, tujuh empangan itu ialah Pedu dan Muda di Kedah; Durian Tunggal, Asahan dan Jus di Melaka; Mengkuang di Pulau Pinang; dan Linggui di Johor.

SAMBUNGAN

Beliau berkata, tujuh empangan itu diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi dalam Laporan Pemantauan Paras Empangan Bekalan Air 2022 selepas konsep penilaian risiko dibuat berdasarkan tiga faktor utama iaitu prestasi fizikal, rekod paras simpanan dan jumlah LRA di kawasan empangan berkenaan.

“**Risikonya adalah terhadap isu pembekalan air, bukan empangan itu sendiri berbahaya. Ia boleh bahayakan pembekalan air sebab di sepanjang sungai yang berhubung dengan empangan itu, terdapat beberapa LRA yang mendapatkan sumber air dari empangan,” katanya.**

"Bagi mengurangkan risiko yang dihadapi ketujuh-tujuh empangan terbabit, beliau berkata laporan berkenaan mencadangkan agar kerajaan negeri terlibat untuk membangunkan Takungan Air Pinggir Sungai (TAPS) sebagai kolam takungan dan simpanan air bagi tujuan bekalan air.

"Pembinaan empangan baharu dilihat kurang berkesan kerana memerlukan kawasan tадahan yang luas.

"Oleh itu, pendekatan pembangunan TAPS dilihat sebagai alternatif dalam membantu meningkatkan keupayaan sumber air. Selain sebagai kolam takungan, TAPS juga boleh berfungsi menjadi tebatan banjir," katanya pada Isnin.

Santiago berkata TAPS bekerja dengan cara air mentah akan diambil dari sungai berdekatan dan disalurkan ke kolam takungan serta menjalani proses prarawatan pemendapan.

Air itu kemudiannya disalurkan ke LRA untuk menjalani proses rawatan selanjutnya sebelum diagihkan kepada pengguna, katanya.

Menurutnya, Selangor telah mengguna pakai idea TAPS sejak 2008 di Bestari Jaya yang menjadikan bekas lombong sebagai kolam tадahan air untuk menyokong aliran Sungai Selangor yang menerima pelepasan air dari empangan Sungai Tinggi dan Empangan Sungai Selangor.

"Di sinilah kerajaan negeri lain perlu menggunakan cara yang sama. Kita mesti faham bukan sungai saja penting tetapi empangan juga penting dalam memastikan kelangsungan sumber bekalan air," katanya.

Santiago berkata, laporan itu juga mengenal pasti 16 daripada 55 empangan bekalan air di Semenanjung Malaysia dan Labuan berusia lebih 50 tahun.

"Bagi empangan tersebut, kajian semula reka bentuk dan keselamatan empangan serta kaiian terhadap simpanan aktif serta simpanan mati perlu dijalankan kerana maklumat reka bentuk asal telah mengalami perubahan yang ketara," katanya.

SPAN adalah badan kawal selia industri perkhidmatan air berdasarkan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). - Bernama